

# Zoo Serangga tarikan baru di Zoo Negara

KUALA LUMPUR 29 Jun – Jika sebelum ini, Zoo Negara hanya menempatkan pelbagai spesies unggas dan haiwan, kini orang ramai terutama warga kota berpeluang untuk melihat dan mengenali spesies serangga yang ditempatkan di Zoo Serangga.

Presiden Persatuan Zoologi Malaysia, Datuk Ismail Hutson berkata, dalam usaha menarik lebih ramai pengunjung, Zoo Negara telah mengambil inisiatif itu untuk mempamerkan kira-kira 200 spesies serangga termasuk rama-rama terancam dari hutan hujan tropika negara ini.

Katanya, tarikan baru itu dijangka mampu memberikan kelainan kepada pengunjung zoo sama ada dari luar negara mahupun domestik untuk menyaksikan keunikan pelbagai spesies serangga dan rama-rama.

“Di Zoo Serangga, pengunjung berpeluang melihat pelbagai spesies serangga yang amat jarang dijumpai sekarang.

“Antaranya kupu-kupu terbesar di dunia, kupu-kupu Atlas, rama-rama Rajah Brooke's, Mentadak Orkid dan sebagainya,” katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis perasmian Zoo Serangga di Zoo Negara di sini baru-baru ini.

Zoo berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Taib.

Ismail berkata, selain dapat melihat keunikan serangga yang jarang lagi ditemui pada masa kini, pengunjung juga boleh mendapat pelbagai maklumat saintifik berkenaan serangga di bawah satu bumbung.

Malah, dengan wujudnya Zoo Serangga, beliau yakin kejayaan Zoo Negara dalam bidang pemuliharaan dapat diteruskan terutama dalam usaha membiakkan lebih banyak spesies serangga yang hampir pupus untuk dilepaskan ke habitat asal.